

# Didik masyarakat cara uruskan hutang

SAMA ada menggunakan kad kredit atau meminjam daripada Ah Long, kedua-duanya tiada manfaat dalam mendidik setiap individu bertanggungjawab membayar hutang!

Kekhuatiran tindakan menggembar-gemburkan masalah penggunaan kad kredit akan membawa masalah lebih besar termasuk mendorong orang ramai kembali meminjam daripada Ah Long bukanlah agenda utama yang perlu difikirkan.

Yang lebih penting ialah bagaimana mendidik setiap orang yang berhutang membayar hutang, walaupun tidak tepat pada masanya, tetapi sekurang-kurangnya ia konsisten dan juga tentang tujuan penggunaan kad kredit yang sebenar.

Berbalik kepada pinjaman dengan Ah Long, masalah yang lebih besar berlaku kerana jumlah bayaran balik yang terlalu tinggi dan tidak masuk akal. Manakala kad kredit pula masih munasabah tetapi ia bukannya dicipta untuk setiap orang. Malah kad kredit hanya patut dan perlu digunakan oleh orang yang mengguna-

kannya untuk memudahkan transaksi, bukannya untuk berhutang.

Orang ramai memang akan mencari alternatif lain seperti Ah Long selain daripada kad kredit, sekiranya mereka menggunakan kad kredit selama ini untuk berseronok dan menambah bebanan hutang, bukannya memudahkan transaksi. Tetapi jika mereka tahu kad kredit adalah untuk memudahkan transaksi, maka Ah Long bukanlah alternatif kepada kad kredit sebaliknya membinasakan kehidupan mereka.

Tujuan penggunaan kad kredit yang berbeza sudah tentu menghasilkan impak yang berlainan ke atas individu berkenaan. Kalau kad kredit digunakan untuk berjoli dan berhutang, maknanya pengguna bukanlah orang yang layak menggunakannya kerana pengguna kad kredit yang layak hanya gunakan kad untuk sementara sehinggalah mereka dapat membuat bayaran tunai kepada empunya wang (bank). Sebaliknya, pengguna yang tidak layak akan menghabiskan kelayakan penggunaan kad

kredit dan membayar dalam jumlah yang sedikit setiap bulan, yang kadangkala terbabas kerana tidak cukup wang.

Masalah ini sama ada teruk atau tidak, bukan soalnya, kerana yang tidak teruk kalau tidak dibendung akan nazak juga akhirnya. Kad kredit bukanlah khusus kepada orang kaya tetapi juga kepada sesiapa yang tidak gemar memegang tunai yang banyak. Tetapi walaupun ia bukan untuk bermewah-mewah, galakan berhutang kepada orang yang tidak sepatutnya berbelanja tanpa had akan menimbulkan masalah yang rumit di kemudian hari.

Tidak dinafikan bayaran faedah yang meningkat kerana faktor masa dan tidak membuat bayaran dalam masa yang ditetapkan agak membebaskan. Justeru, pengguna kad kredit cuba menyelesaikan masalah dengan memohon pinjaman peribadi daripada bank untuk melangsaikan hutang kad kredit yang semakin lama semakin menimbun. Jadi, hutang kad kredit mungkin tidak membim-

bankan kerana faktor di atas, tetapi hutang yang lain untuk melangsaikan kad kredit pula bagaimana?

Pandangan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal supaya pihak bank perlu mengkaji dahulu kedudukan kewangan pemohon sebelum meluluskan permohonan kad kredit mereka amat dialu-alukan.

Selain dari itu, peningkatan kos sara hidup yang tinggi di negara ini memaksa segolongan rakyat mencari alternatif untuk mendapatkan wang segera, sebab itulah Ah Long menjadi keutamaan mereka, malangnya lain pula yang berlaku.

Sebab itu kenaikan gaji dan kesedaran pengguna tentang penggunaan kad kredit yang sebetulnya perlu dipertingkatkan dan pengeluaran wang menerusi kad kredit wajar dihentikan untuk menyelamatkan pengguna yang tidak sedar!

**- Nik Salida Suhaila Nik Saleh  
Nilai, Negeri Sembilan.**